

Kegiatan Jenayah di Kedah, 1880–1939: Langkah Pembanterasan dan Impaknya terhadap Pembangunan Sosioekonomi

Criminal Activities in Kedah, 1880–1939: Eradication Efforts and its Effects on Socioeconomic Development

Zahirah Othman

Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: zahirah99@student.usm.my

Received: 3 September 2024; Accepted: 16 June 2025

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai kegiatan jenayah yang sering berlaku di Kedah antara 1880 sehingga 1939. Penumpuan perbincangan diberikan kepada sebab musabab kegiatan jenayah seperti mencuri, merompak dan membunuh berlaku di Kedah serta langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Kaedah penyelidikan berbentuk kualitatif digunakan yang melibatkan analisis terhadap dokumen primer dan sumber sekunder seperti tesis, artikel, prosiding dan buku-buku berkaitan dengan peningkatan kegiatan jenayah, langkah pembanterasan dan kesannya kepada sosioekonomi Kedah. Sumber primer diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Arkib Malaysia cawangan Kedah/Perlis, Arkib Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Koleksi Malaysiana dan Koleksi Arkib Perpustakaan Hamzah Sendut 1 Universiti Sains Malaysia (USM). Manakala sumber sekunder pula didapati dari Perpustakaan Hamzah Sendut 1 USM dan Perpustakaan Awam Kedah. Hasil kajian terhadap *Kedah Annual Report for 1327 A.H, 1332 A.H, 1333 A.H, Kedah Annual Report for The Year 1908-1936*, surat-surat persendirian, *Pinang Gazette and Strait Chronicle*, akhbar *Malaya Tribune* dan Fail SUK Kedah mendapati bahawa pihak pentadbir Negeri Kedah berusaha keras untuk mengatasi masalah kegiatan jenayah yang berleluasa di negeri itu dengan memperkenalkan beberapa undang-undang jenayah yang baharu di samping menambah jumlah bilangan anggota polis. Hasil daripada langkah proaktif tersebut telah menyumbang kepada perkembangan sosioekonomi secara positif di Kedah.

Kata kunci: kegiatan jenayah, kongsi gelap, Kedah, Undang-undang Jenayah, Undang-undang Polis.

Abstract

This article is about the criminal activities that frequently happened in Kedah between 1880 and 1939. The discussion focused on the causes of criminal activities such as theft, robbery, and murder that occur in Kedah and the initiatives taken to overcome these problems. A qualitative research method is used, which entails analyzing primary and secondary materials such as theses, article, proceedings, and books about the rise in criminal activities, eradication efforts, and its impact on Kedah's socioeconomic situation. Primary sources

were obtained from the National Archives of Malaysia Kuala Lumpur, the Malaysia Archives Kedah/Perlis branch, the archives of the School of Humanities and Malaysiana Collection, and the archive collection of the Hamzah Sendut 1 Library of Universiti Sains Malaysia (USM). Secondary sources are from Hamzah Sendut 1 USM Library and Kedah Public Library. Research on the Kedah Annual Report for 1327 A.H., 1332 A.H., and 1333 A.H., the Kedah Annual Report for the Year 1908-1936, private letters, the Pinang Gazette and Strait Chronicle, the Malaya Tribune newspaper, and the Kedah SUK file, found that the Kedah state administration was working hard to tackle the criminal activities problem in the state by introducing several new criminal laws as well as increasing the number of police personnel. The results of these proactive measures have contributed to positive socioeconomic development in Kedah.

Keywords: *criminal activities, secret societies, Kedah, Criminal Law, Police Law.*

Pengenalan

Kegiatan jenayah merupakan perbuatan keji yang menyalahi dan melanggar undang-undang sebagaimana telah ditetapkan dalam sesebuah institusi pentadbiran dan perundangan negara. Dalam konteks perundangan Islam, pelbagai takrifan jenayah telah dilakukan oleh para sarjana Islam. Menurut Al-Mawardi jenayah boleh didefinisikan sebagai bentuk kesalahan yang ditetapkan oleh syariah dan boleh dihukum berdasarkan hukuman Allah SWT sama ada qisas, hudud atau takzir (Nor Azmawati Abdul Aziz & Mohd Rozaidi Mohd Rosli, 2022). Dalam hal ini, fenomena penularan kegiatan jenayah sosial bergerak seiring dengan arus pemodenan yang berlaku dalam sesebuah negara. Sebagai membuktikan perkara ini, peningkatan kadar jenayah bukan sahaja terjadi di negeri-negeri Melayu, malah negara Barat juga turut mencatatkan peningkatan kes jenayah sosial yang tinggi ekoran berlakunya revolusi perindustrian di Eropah pada kurun ke-18 (Haslindawati Saari et al, 2021). Justeru, pertumbuhan sosioekonomi dalam sesebuah negara bukanlah penjamin kepada kemajuan negara semata-mata. Hal ini dikatakan demikian kerana di sebalik kemajuan yang dinikmati nescaya wujudnya jenayah sosial yang sukar dibendung dan semakin membarah dalam komuniti masyarakat pada sesuatu masa. (Haslindawati Saari et al, 2021).

Kajian ini akan ditumpukan di Tanah Melayu iaitu negeri Kedah antara tempoh tahun 1880 sehingga 1939. Tempoh kajian ini dipilih berikutan kes jenayah merupakan isu hangat ketika di bawah tampuk pemerintahan Sultan Abdul Hamid sebagaimana tercatat di dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH). Kedah bukan sahaja diiktiraf sebagai negeri yang tertua di Malaysia, bahkan tertua di Asia Tenggara (Khoo Kay Kim, 1983). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah Kedah mempunyai jalur sejarah yang panjang dan menarik untuk dikaji oleh para penyelidik dahulu sehingga kini. Kedah menunjukkan kemajuan dan perkembangan yang positif bukan sahaja dalam aspek pentadbiran malah turut membentuk ekonomi yang mampan ketika di bawah tampuk pemerintahan Sultan Abdul Hamid (1882-1943). Namun begitu, di sebalik kemajuan yang dicapai oleh negeri Kedah, terdapat banyak kes jenayah telah dilaporkan dalam tempoh masa tersebut yang berlarutan sehingga sebelum merdeka seperti kecurian harta benda awam dan ternakan orang kampung, pembunuhan dan mencederakan individu lain, penipuan, penzinaan, rasuah, penculikan anak dara atau tunangan orang tanpa izin, pergaduhan dalam kumpulan dan seumpamanya (Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2010). Kegiatan jenayah yang belaku di Kedah ini bukan sahaja mencerminkan masalah kebejatan moral individu-individu yang terlibat tetapi juga telah memburukkan lagi suasana ekonomi dan mengganggu ketenteraman masyarakat kerana mereka telah dibelenggu dengan kebimbangan yang melampau. Oleh hal yang demikian, penulisan ini cuba merungkai penyebab kepada peningkatan kadar jenayah dan keadaan

sosioekonomi masyarakat di negeri Kedah sekitar tahun 1880-an hingga 1939.

Salah satu sorotan kajian lepas yang meneliti tentang keadaan jenayah sosial yang berlaku di Kedah ialah makalah berjudul '*Jenayah dan Gejala Sosial Dalam Masyarakat Melayu Kedah, 1882-1940*' oleh Haslindawati Saari et al (2021). Makalah ini telah membincangkan kegiatan jenayah dan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Melayu misalnya, kes kecurian, rogol, pembunuhan, penipuan, samun, penzinaan, rasuah dan sebagainya. Makalah ini juga turut membahaskan hukuman yang akan dijatuhkan kepada pesalah seperti yang termaktub dalam naskhah *Kanun Al-Kubat*. Meskipun makalah ini menganalisis bentuk-bentuk jenayah dan hukuman yang relevan terhadap pelaku, namun, penulisan ini tidak menghuraikan dengan lebih terperinci kesan pembanterasannya kegiatan jenayah terhadap pembangunan sosioekonomi dalam kalangan masyarakat di Kedah.

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2010, 2012) dalam dua penulisan bertajuk 'Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah' dan 'Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid' telah membincangkan pelbagai isu berkaitan keadaan sosioekonomi dan kegiatan jenayah di Kedah pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid. Dalam artikel tahun 2012, penulis memberikan fokus terhadap pelbagai bentuk jenayah yang berlaku di Kedah seperti kecurian harta benda dan ternakan milik penduduk kampung, kes pembunuhan, kecederaan, penipuan, serta penculikan atau melarikan perempuan tanpa kebenaran. Namun begitu, aspek pembanterasannya jenayah oleh kerajaan Kedah hanya diuraikan secara ringkas, manakala kesan positif daripada usaha pembanterasannya terhadap pembangunan sosioekonomi negeri tidak diperincikan dalam perbincangan tersebut. Sementara itu, artikel beliau yang diterbitkan pada tahun 2010 pula lebih tertumpu kepada permasalahan sosial seperti kegiatan perjudian yang dikaitkan dengan sikap boros, gaya hidup mewah dan amalan berfoya-foya dalam kalangan golongan pemerintah. Situasi ini membawa implikasi negatif terhadap pentadbiran negeri sehingga Kedah terpaksa menanggung beban hutang dan mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan Siam dengan alasan untuk meneruskan kegiatan perdagangan. Walau bagaimanapun, artikel ini tidak menyentuh secara mendalam tentang kegiatan jenayah lain yang turut berlaku di negeri Kedah. Bahkan, aspek seperti punca berlakunya jenayah, langkah-langkah pembanterasannya serta impaknya terhadap masyarakat Kedah juga tidak diuraikan secara komprehensif.

Buku hasil tulisan oleh Mohd Isa Othman (2001) yang berjudul '*Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*' berkisar tentang kependudukan dan perkembangan ekonomi Kedah dan Perlis pada tahun 1909 hingga 1957. Buku ini turut menyentuh tentang isu pergaduhan kongsi gelap yang berlaku antara puak Teo Chew dengan puak Hai Lo Hong di Kulim yang berebut untuk mendapatkan kawasan perlombongan. Selain pergaduhan, kedua-dua kongsi gelap tersebut terlibat dalam masalah sosial seperti pelacuran, judi, arak, candu dan masalah sosial yang lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa buku ini tidak menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai langkah pencegahan dan kesannya terhadap sosioekonomi Kedah yang merupakan fokus utama penulisan ini.

Manakala artikel oleh Anis Syuhada Amran dan Norasmahani Hussain (2024) yang bertajuk '*Kegiatan Kongsi Gelap Cina Di Kulim dan Kesannya Terhadap Ekonomi Kedah, 1888-1890*' pula memfokuskan perbincangan mengenai kegiatan ekonomi dan aktiviti jenayah kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim iaitu Ghee Hin dan Ho Seng yang telah mendatangkan impak negatif kepada ekonomi negeri Kedah antara tahun 1888 hingga 1890. Walaupun artikel ini turut membincangkan kesan kegiatan kongsi gelap Cina di Kulim terhadap ekonomi negeri Kedah serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Kedah untuk membendung kegiatan tersebut, namun skop masa yang diliputi oleh artikel itu, iaitu antara tahun 1888 hingga 1890, jauh lebih sempit berbanding skop penulisan ini yang meliputi tempoh dari 1880 hingga 1939. Selain itu, artikel berkenaan juga tidak meneliti

kesan kegiatan kongsi gelap tersebut terhadap aspek sosial, yang merupakan fokus utama penulisan ini.

Buku hasil karya Mahani Musa iaitu '*Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*' memfokuskan kepada kegiatan ekonomi wanita Melayu di Kedah dalam aktiviti penanaman padi pada tahun 1911 dan penglibatan wanita Melayu dalam perniagaan di Kota Setar. Buku ini juga turut menyentuh pendidikan kanak-kanak perempuan yang diperkenalkan oleh pihak British dengan tujuan membentuk mereka menjadi individu yang bertamadun dan berjasa kepada suami setelah mendirikan rumah tangga kelak. Manakala kajian oleh Khoo Kay Kim (1983) yang bertajuk '*Beberapa Aspek Sejarah Kedah*' memfokuskan perbincangan mengenai kegiatan ekonomi masyarakat Kedah di daerah Yan. Antara kegiatan ekonomi yang giat dijalankan oleh masyarakat adalah seperti menanam padi, menangkap ikan, menanam getah, berdagang, golongan pemerintah yang terdiri daripada pegawai-pegawai pentadbir, guru-guru dan polis. Jelas bahawa kedua-dua karya ini lebih berorientasikan kepada aspek sosioekonomi dan peranan wanita serta kegiatan ekonomi masyarakat Kedah tanpa membincangkan kegiatan jenayah sosial yang berlaku di negeri Kedah, langkah pembanterasannya dan kesannya terhadap sosioekonomi negeri tersebut. Oleh itu, persoalan-persoalan yang tidak dibincangkan ini adalah disentuh dalam penulisan ini.

Kegiatan Jenayah di Kedah

Kedah telah mengalami kemelut dan konflik yang begitu ketara dalam aspek politik, ekonomi dan sosial sekitar tahun 1882 hingga 1919 seperti yang tercatat dalam koleksi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH). Dalam hal ini, isu yang sering melanda Kedah pada ketika itu ialah gejala jenayah yang sememangnya telah memberi kesan kepada penduduk setempat. Bagi mengekalkan kedudukan Kedah sebagai sebuah negeri Melayu yang berdaulat, maka sultan dan para pembesar negeri bertungkus-lumus dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dengan baik. Buktinya, mereka telah mewujudkan kompromi dengan pihak Siam dan British supaya keadaan politik dan sosial Kedah terus terpelihara mengikut acuan tempatan (Jabil Mapjabil et al, 2010). Memang tidak dinafikan bahawa ketika Sultan Abdul Hamid memegang tampuk pemerintahan pada tahun 1881 hingga 1943, pelbagai kegiatan jenayah telah berleluasa di Kedah seperti kecurian, pembunuhan, samun, rompak, penipuan, melarikan anak dara atau tunangan orang, berzina dan sebagainya. Kegiatan jenayah sosial ini telah menimbulkan kebimbangan ramai pihak khususnya masyarakat setempat dan juga pemerintah kerana masalah-masalah ini telah menggugat kesejahteraan sosial dan ekonomi negeri Kedah (Sharom Ahmad, 1984; Cheah Boon Kheng, 2001).

Susulan daripada kegiatan jenayah yang semakin meruncing dan membarah, Tunku Abdul Aziz selaku Raja Muda Kedah pada ketika itu telah mengambil inisiatif dan cakna terhadap persekitaran sekeliling untuk menangani kekecohan dan kemelut yang berlaku. Berdasarkan Surat Raja-Raja (SRR) memaparkan bahawa Tunku Abdul Aziz telah mengambil alih sementara pentadbiran di Kedah berikutan Sultan Abdul Hamid yang sering mengalami masalah kesihatan yang berlarutan sehingga menyukarkan baginda menguruskan hal ehwal negeri Kedah (Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895 No. 2; Muhammad Isa Othman, 1990). Baginda bimbang akan tahap kesihatannya yang akan menjejaskan politik dan sosioekonomi Kedah memandangkan kes jenayah dilihat semakin meruncing dan memerlukan usaha sewajarnya bagi menangani kes tersebut. Sehubungan itu, pada tahun 1905 Tunku Abdul Aziz dilantik menjadi Ketua Majlis Negeri berikutan ketokohan yang dimiliki oleh baginda sekali gus turut menubuhkan badan Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) (Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid Buku No.7 T.H.1315-1317H/1897-1899M). Dalam hal ini, baginda bersama-sama dengan kepimpinan MMN melaksanakan pembaharuan dalam polisi pentadbiran iaitu menetapkan semula waktu pejabat (*office hour*),

sistem organisasi polis dan pegawai daerah, memperketatkan peraturan mahkamah serta memperkenalkan sistem pendaftaran kerbau lembu dan sebagainya (Haslindawati Saari et al, 2021).

Jenayah yang Kerap Berlaku Di Kedah

Kegiatan jenayah di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selatan Siam banyak didokumentasikan menerusi SMSAH dalam buku No.2, No.3 dan No.5 dan No.10 (Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, 2012). Berdasarkan penyata-penyata rasmi, sempadan Utara Kedah merupakan sebuah kawasan yang dianggap paling tidak selamat dan zon berbahaya (*red zone*) berbanding dengan kawasan-kawasan Selatan Kedah (Annual Report for Kedah, 1327 A.H). Faktor utama yang menjadi penyumbang terbesar kepada kes jenayah di Kedah adalah disebabkan kedudukan geografi Utara Kedah yang terletak berdekatan dengan sempadan negeri Siam. Justeru, tidak hairanlah kawasan Utara Kedah sering dicerobohi oleh golongan manusia yang tidak bertanggungjawab. Sebagai analoginya, penglibatan orang *Sam-Sam* dan kegiatan jenayah kerap kali berlaku di Kedah seperti kemasukan penjahat dan pengganas secara haram, pencuri ternakan kerbau dan lembu serta melanggar undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri Kedah dengan sewenang-wenangnya. Walau bagaimanapun, meskipun kawasan-kawasan Selatan Kedah dilihat lebih stabil, ini tidak bermaksud bahawa kawasan tersebut tidak dicemari dengan unsur jenayah. Sebagai analoginya, timbulnya pergaduhan kongsi gelap antara orang Cina, penyeludupan candu, judi, arak dan seumpamanya di daerah Kulim (C.O. 716/1, 1337 A.H). Komuniti *Sam-Sam* sering dikaitkan dengan proses silang budaya yang berlaku menerusi perkahwinan campur antara etnik. Beberapa pandangan menyatakan bahawa komuniti ini terbentuk hasil daripada hubungan perkahwinan antara etnik Siam dengan pelbagai kumpulan etnik lain seperti Melayu, Cina, India serta sesama kelompok Siam dari pelbagai wilayah termasuk dari selatan Thai seperti Satun, Yala dan Narathiwat, dan dari utara Thai seperti kawasan Lembah Menam Chao Phraya. Namun begitu, dalam konteks wacana yang lebih konsisten dan bersandarkan logik sejarah tempatan, ada juga pendapat yang mengutarakan bahawa kelompok peranakan *Sam-Sam* lebih dominan terbentuk melalui interaksi perkahwinan antara masyarakat Siam dan penduduk Melayu setempat di utara Semenanjung Tanah Melayu. Dalam kerangka tafsiran kontemporari yang lebih mendalam, identiti *Sam-sam* turut dapat dikategorikan kepada dua cabang utama iaitu *Sam-Sam* Islam dan *Sam-Sam* Buddha berdasarkan latar agama yang dianuti oleh komuniti berkenaan (rujuk Cheah Boon Kheng 1981: 98; Kuroda 2008). *Sam-Sam* Islam merujuk kepada kelompok yang telah memeluk agama Islam dan secara budaya serta sosiopolitik lebih dekat dengan identiti Melayu-Muslim, manakala *Sam-Sam* Buddha pula kekal berpegang kepada ajaran Buddha sekali gus mengekalkan unsur-unsur budaya Siam yang lebih jelas dalam gaya hidup dan amalan harian mereka (Sohaimi Abdul Aziz & Omar Yusoff, 2010).

Jenayah Kecurian Lembu

Menurut laporan, pada tahun 1909 sehingga 1920, kegiatan mencuri lembu dan kerbau merupakan salah satu kes yang paling tinggi dicatatkan dalam sejarah di Kedah dan sempadan Kedah-Perlis (Cheah Boon Kheng, 1981). Situasi ini berkait rapat dengan amalan penghulu-penghulu kampung yang diberi kuasa untuk mengeluarkan permit atau sijil kepada sesiapa sahaja yang memiliki haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau. Dalam sistem ini, setiap penghulu juga turut dibayar pampasan sebanyak 20 peratus untuk setiap sijil yang dikeluarkan oleh mereka kepada pemilik lembu berkenaan yang akhirnya membuka ruang kepada penyalahgunaan kuasa. Buktinya, terdapat penghulu kampung yang bersekongkol

dengan pencuri-pencuri lembu dan kerbau dengan mengeluarkan sijil pendaftaran kepada mereka secara haram (Cheah Boon Kheng, 1981). Penyalahgunaan kuasa ini menyebabkan kes kecurian lembu dan kerbau meningkat begitu mendadak. Penghulu-penghulu kampung memanfaatkan kedudukan mereka sebagai individu yang berkuasa dengan mengeluarkan permit pemilikan haiwan ternakan bagi memperoleh keuntungan secara tidak sah melalui kegiatan mencuri lembu ternakan orang lain (Cheah Boon Kheng, 1981). Memandangkan kes kecurian lembu dan kerbau sukar dibendung dan semakin serius, Kerajaan Negeri Kedah telah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan memindahkan kuasa mengeluarkan sijil atau permit pendaftaran lembu dan kerbau di bawah Jabatan Haiwan Negeri Kedah dan bukan lagi di bawah kuasa penghulu kampung.

Jadual 1: Kes Jenayah Di Kedah (1909-1914)

JENIS JENAYAH	1909	1910	1912	1913	1914	JUMLAH
Pembunuhan	12	4	15	-	15	46
Perompakan	-	28	-	-	49	77
Perompakan Berkumpulan	-	18	11	13	18	60
Pecah Rumah	153	190	253	154	150	900
Kecurian	729	-	1214	979	1207	4129
Pencurian Lembu/ Kerbau	13	10	35	23	47	128
JUMLAH KESELURUHAN	907	250	1528	1169	1486	5340

Sumber: Cheah Boon Kheng, Jenayah-Jenayah di Sempadan Kedah-Siam Di Antara Tahun-Tahun 1900-1920-an (1981)

Jika dilihat secara keseluruhannya, kegiatan jenayah yang paling tinggi dicatatkan ialah kes kecurian yang meningkat saban tahun bermula tahun 1909 sehingga 1914 iaitu jumlah keseluruhannya sebanyak 4,129 kes. Jadual 2 pula menunjukkan statistik kes kecurian lembu di Utara dan Selatan Kedah pada tahun 1906 hingga 1913.

Jadual 2: Kes Kecurian Lembu di Utara dan Selatan Kedah (1906-1913)

KAWASAN	1906	1907	1908	1909	1910	1911	1912	1913	Jumlah Keseluruhan
Utara Kedah	101	68	10	7	2	30	17	36	271
Selatan Kedah	-	-	-	6	8	5	6	11	36
Jumlah Keseluruhan	101	68	10	13	10	35	23	47	307

Sumber: Cheah Boon Kheng, Jenayah-Jenayah di Sempadan Kedah-Siam Di Antara Tahun-Tahun 1900-1920-an (1981)

Jadual 2 di atas memaparkan kes kecurian di Utara Kedah menunjukkan pola tidak konsisten. Salah satu faktor kawasan tersebut tidak menjadi tumpuan pencuri kerana adanya sistem kawalan polis yang ketat menyebabkan penjahat sukar untuk mencerooboh masuk kawasan tersebut berbanding di kawasan lain. Begitu juga di Selatan Kedah, kes kecurian lembu tidak mencatatkan kes yang tinggi kerana kawasan ini terletak jauh daripada sempadan negeri Siam. Justeru, kes yang tercatat pada tahun 1906 sebanyak 101 kes semakin berkurang kepada 36 kes pada tahun 1913. Penurunan kes adalah hasil daripada usaha penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas oleh pihak berkuasa dalam menangani jenayah kecurian lembu sekali gus menunjukkan keberkesanan terhadap pembanterasannya jenayah yang telah dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

Jenayah Rompakan dan Pembunuhan

Kes jenayah kedua tertinggi dicatatkan pula ialah kes pecah rumah antara tahun 1909 sehingga 1927. Hal ini menunjukkan kegiatan jenayah pecah rumah dan kes kecurian menjadi sasaran utama penjenayah kerana kegiatan ini lebih mudah bagi mereka mendapatkan sasaran dan keuntungan besar. Namun begitu, perkara ini tidak bermakna kegiatan jenayah yang lain tidak membimbangkan masyarakat kerana jenayah lain juga turut mendatangkan impak yang negatif kepada mangsa yang terlibat. Jadual 3 di bawah menunjukkan kes rompakan berkumpulan di Utara Kedah dan Selatan Kedah dari tahun 1910 sehingga 1919.

Jadual 3: Kes Rompakan Berkumpulan di Utara dan Selatan Kedah (1910-1919)

KAWASAN	1910	1911	1912	1913	1914	1918	1919	Jumlah Keseluruhan
Utara Kedah	12	6	10	8	6	8	29	79
Selatan Kedah	6	5	1	5	12	7	23	59
Jumlah Keseluruhan	18	11	11	13	18	15	52	138

Sumber: Cheah Boon Kheng, Jenayah-Jenayah di Sempadan Kedah-Siam Di Antara Tahun-Tahun 1900-1920-an (1981)

Jadual 3 di atas menunjukkan kes rompakan berkumpulan mencatatkan pola tidak konsisten. Misalnya pada tahun 1910 kes rompakan berkumpulan di Utara Kedah sebanyak 12 kes, namun mengalami penyusutan pada tahun 1911 sebanyak 6 kes dan meningkat semula pada tahun berikutnya. Kemudian menurun semula pada tahun 1913 dan 1918. Namun begitu, pada tahun 1919, kes rompakan mengalami peningkatan mendadak. Begitu juga dengan kes rompakan berkumpulan di bahagian Selatan Kedah pada tahun 1910 sebanyak 6 kes, namun mengalami penurunan yang tidak banyak pada tahun 1911 iaitu 5 kes dan pada tahun 1912 sebanyak 1 kes sahaja kemudian mengalami peningkatan kepada 5 kes pada tahun 1913. Pada tahun 1914, kes rompakan berkumpulan dicatatkan sebanyak 12 kes kemudian mengalami penyusutan kepada 7 kes pada tahun 1918 dan meningkat semula kepada 23 kes pada tahun berikutnya. Hal ini menunjukkan kes rompakan juga banyak berlaku di Kedah dan turut memberi kesan negatif kepada masyarakat setempat. Keadaan ini menunjukkan pengawalan terhadap kes rompakan pada ketika itu belum dilihat serius oleh kerajaan.

Buktinya, rompakan bersenjata berlaku di Kuala Berau, Mukim Kayu Hitam, Kedah melibatkan kumpulan perompak yang menggunakan senjata seperti senapang untuk menyamun kedai runcit milik Wee Kee yang merupakan seorang peniaga Cina. (Malaya

Tribune, 16 November 1939). Sekitar jam 3.00 pagi, rumah seorang wanita Melayu pula telah diceroboh oleh kumpulan perompak yang sama dan hasil rompakan tersebut mereka berjaya mengambil wang dan barang-barang berharga milik individu tersebut yang bernilai \$300. Walau bagaimanapun, didapati perompak-perompak yang dikenali sebagai Abu bin Yahaya, Ali bin Eman dan Hussain bin Dollah berjaya melarikan diri ke sempadan Thailand. Namun begitu, hanya Hussain bin Dollah sahaja berjaya diberkas oleh anggota polis Thailand dan diserahkan kepada polis Kedah untuk siasatan dan tindakan undang-undang (Malaya Tribune, 16 November 1939). Senario yang berlaku ini sudah tentu memberi kesan kepada pihak mangsa rompakan seperti trauma yang berpanjangan, kebimbangan yang melampau dan keresahan akibat ancaman jenayah. Pendek kata, mangsa bukan sahaja mengalami kerugian yang besar bahkan terpaksa menghadapi trauma yang berpanjangan kesan daripada insiden tersebut. Situasi ini telah mewujudkan cabaran besar kepada pihak berkuasa dalam melaksanakan kawalan keselamatan dan mengekalkan ketenteraman awam khususnya dalam kalangan penduduk yang mendiami kawasan bersempadan dengan Siam. Hal ini demikian kerana wilayah tersebut merupakan kawasan strategik yang sering dijadikan laluan utama oleh penjenayah untuk melakukan jenayah dan menyasarkan komuniti yang mudah terdedah.

Gambar 1: Keratan Akhbar Malaya Tribune bertarikh 16 November 1939 yang menerangkan isu anggota rompakan bersenjata di tahan di negara Thailand




Sumber: Malaya Tribune, Armed Robber Arrested In Thailand (1939)

Terdapat satu lagi kes rompakan yang melibatkan pembunuhan yang sangat menyayat hati di Kampung Gelam, Alor Junggus (Pinang Gazette and Strait Chronicle, 22 Ogos 1938). Dalam kejadian yang menyayat hati ini, sepasang suami isteri berbangsa Cina menjadi mangsa keganasan sekumpulan perompak bersenjata parang. Serangan yang dilakukan bukan sahaja bermotifkan rompakan tetapi turut disertai dengan unsur kekejaman yang melampau. Buktinya, suaminya, Lim Ah Keng telah mengalami kecederaan parah akibat tetakan di bahagian leher yang akhirnya meragut nyawanya di lokasi kejadian. Sementara itu, ketika isterinya, Ong Soo sedang berlari dalam keadaan takut menuju ke tempat kejadian untuk membantu suaminya, beliau turut menjadi sasaran kekejaman kumpulan penjenayah tersebut. Tanpa belas kasihan, salah seorang perompak telah menetak beliau dengan senjata tajam

menyebabkan kecederaan parah. Mangsa kemudiannya dikejarkan ke hospital namun disahkan meninggal dunia dalam perjalanan akibat kecederaan yang dialaminya. (Pinang Gazette and Strait Chronicle, 22 August 1938). Kejadian ini berlaku kira-kira jam 6.30 petang pada tarikh 9 Oktober 1937 ketika suami isteri tersebut berada di kedai milik mereka. Pada mulanya, segerombolan perompak itu kononnya mahu membeli rokok sahaja di kedai Lim Ah Kheng. Kemudian setelah beliau menghulurkan rokok yang diminta tersebut, salah seorang daripada mereka terus menetak leher beliau (Pinang Gazette and Strait Chronicle, 22 August 1938). Lalu, kumpulan perompak itu merompak barang-barang yang terdapat di kedai tersebut seperti wang dan barangan berharga yang lain. Lebih menyayat hati lagi, pembunuhan tersebut disaksikan oleh anak-anak lelaki yang melihat ibu dan ayah mereka melawan perompak-perompak tersebut sehingga ke akhir hayat.

Gambar 2: Pembunuhan Berganda Kedah Malaysia Dalam Perbicaraan yang tertera dalam Pinang Gazette and Strait Chronicle bertarikh 22 Ogos 1938



Sumber: Pinang Gazette and Strait Chronicle, Double Murder Recalled (1938)

Kegiatan Ekonomi Masyarakat di Kedah

Kedah mengamalkan sistem ekonomi yang bersifat komersial (Mohd Isa Othman, 2001). Sekitar tahun 1860-an, Kedah telah mengesport beras ke Pulau Pinang yang pada ketika itu berada di bawah naungan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan dieksport pula ke China. Dalam erti kata lain, Kedah sangat popular dengan kegiatan pertanian berasaskan tanaman padi yang menjadi sumber ekonomi utama negeri Kedah. (Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee, 2006). Selain tanaman padi, masyarakat Kedah turut mengusahakan tanaman ubi kayu dan tanaman getah yang menjadi penyumbang terbesar kepada sumber kewangan negeri Kedah menjelang kurun ke-19 hingga abad ke-20 (Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz, 2011). Justeru, penekanan kepada sektor pertanian ini menggambarkan Kedah tidak hanya bergantung kepada aspek penanaman padi dan getah sahaja, bahkan turut melebarkan sayapnya dalam perdagangan antarabangsa.

Pada sekitar tahun 1609, hubungan Kedah dengan kuasa luar seperti Belanda dan

British pada peringkat awalnya adalah bersifat ekonomi perdagangan semata-mata. (Jabil Mapjabil et al, 2010). Dalam tempoh masa tersebut, para pedagang Inggeris memperdagangkan besi dan pakaian sebagai pertukaran hasil-hasil perdagangan Kedah yang kaya dengan hasil hutan, bijih timah dan tembaga. John Lock dan Alexander Hamilton merupakan saudagar Inggeris yang terawal memulakan perniagaan mereka di Kedah. Namun begitu, selepas 1909, Kedah telah mengalami perubahan yang begitu pesat dalam aspek politik, ekonomi dan sosial menyebabkan hubungan perdagangan antara Kedah dan Inggeris menjadi semakin kukuh. Senario ini memacu perkembangan ekonomi yang pesat di Kedah ekoran kemasukan pelabur asing dan pertambahan bilangan penduduk negeri Kedah (Jabil Mapjabil, Noorah Yusof & Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh, 2010). Peningkatan penduduk di Kedah jelas mencerminkan pertumbuhan sosioekonomi di negeri tersebut. Peningkatan penduduk Kedah dapat dibuktikan melalui jadual berikut:

Jadual 4: Bilangan Penduduk Kedah Mengikut Kaum

KAUM	1911	1921	1931	JUMLAH MENGIKUT KAUM
Melayu	180694	234141	279897	694 732
Cina	33746	59476	78415	171 637
India	6074	33071	50824	89 969
Eropah	86	300	411	797
Nusantara	17008	2899	6365	26 272
Lain-lain	8378	8820	13779	30 977
JUMLAH KESELURUHAN	245 986	338 707	429 691	1 014 384

Sumber: Nicholas N. Dodge, Population Estimates for the Malay Peninsula in the Nineteenth Century, with Special Reference to the East Coast States, A Journal of Demography, 34:3 (1980) 437-475.

Jadual 4 menunjukkan pertambahan bilangan populasi masyarakat Kedah yang terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India, pelabur asing yang datang dari Eropah dan Nusantara. Perkembangan manusia ini memperlihatkan pola peningkatan dalam tempoh 20 tahun dan dalam tempoh masa inilah pelbagai kemelut melanda bumi Kedah khususnya dalam aspek jenayah. Jika dilihat dalam Jadual 4 di atas, pertambahan penduduk semakin meningkat saban tahun.

Selain itu, masyarakat Kedah juga terlibat dengan kegiatan perlombongan bijih timah dan penternakan seperti lembu, kerbau, ayam dan itik. Penternakan binatang yang dijalankan oleh masyarakat ini merupakan hasil mahsul Negeri Kedah dan kegiatan ekonomi ini turut disenaraikan dalam sistem pajakan Sultan Abdul Hamid selain tanaman ubi kayu, beras dan padi hasil kutipan pajakan di daerah Kuala Muda dan Merbok (Mohd Kasturi, 2010). Kegiatan ekonomi yang rancak diusahakan oleh masyarakat Kedah bermula pada kurun ke-19 di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid telah memperlihatkan pengukuhan institusi kesultanan dan perkembangan yang positif sehingga ke hari ini (Mohd Kasturi, 2010). Namun begitu, di sebalik keuntungan yang lumayan hasil kegiatan ekonomi pada ketika itu, turut juga berlaku masalah sosial yang meruncing dan sukar dibendung seperti kegiatan mencuri kerbau, lembu, kambing dan seumpamanya. Kegiatan jenayah ini bukan sahaja mengancam kestabilan ekonomi pertanian dan penternakan, malah menimbulkan keresauan dan mengancam keselamatan penduduk.

Faktor Berlakunya Kegiatan Jenayah Di Kedah

Jenayah yang melibatkan kecurian, samun dan rompakan merupakan suatu jenayah indeks yang kerap kali dilaporkan berbanding dengan jenayah kekerasan seperti pembunuhan. Memang tidak dinafikan bahawa kegiatan jenayah didorong oleh beberapa faktor secara semula jadi mahupun disebabkan oleh terlalu terdesak demi meneruskan kelangsungan hidup (Haslindawati Saari et al, 2021). Barlow & Kauzlarich (2010) menghubungkan keadaan sosial atau sekeliling mampu membentuk dan mencorakkan tingkah laku seseorang individu itu yang seterusnya akan mendorong kepada perilaku yang negatif iaitu terlibat dalam kegiatan jenayah. Menurut Hollin (2002) pula menyatakan bahawa faktor seseorang terlibat dalam kegiatan jenayah atau masalah sosial ini adalah dipengaruhi oleh faktor genetik dan faktor psikologi seperti keperibadian, pembelajaran dan perkembangan moral (Haslindawati Saari et al, 2021). Misalnya, sekiranya individu tersebut lahir dari kalangan keluarga yang terlibat dalam kancah jenayah seperti mencuri, menyamun dan seumpamanya maka anak-anak juga akan turut melakukan perkara yang sama. Hal ini sesuai dengan ungkapan yang mengatakan bahawa ‘anak-anak yang lahir di muka bumi ini ibarat kain putih, maka ibu bapalah yang mencorakkannya’ kerana sifat dan perilaku orang tua akan membentuk keperibadian dan perkembangan moral anak-anak.

Kemunculan Pertubuhan Kongsi Gelap di Negeri Kedah

Penulisan ini akan membincangkan kegiatan jenayah berdasarkan beberapa faktor yang meninggalkan kesan terhadap sosioekonomi masyarakat Kedah. Antaranya ialah kegiatan kongsi gelap dan pergaduhan antara orang-orang Cina di Kulim, Kedah sehingga tercetusnya masalah jenayah yang membimbangkan ramai pihak khususnya kerajaan Kedah (Khadri Mohd Salleh, 1988/89). Pada pandangan penulis, kongsi gelap merupakan suatu kumpulan jenayah yang suka membuat kekecohan dan ia memberi kesan negatif terhadap sesuatu kawasan yang menjadi tumpuan utamanya lazimnya untuk mengeksploitasi kekayaan ekonomi. Apabila menyentuh perihal 'kongsi gelap', secara serta-merta akan terbayang dalam pemikiran masyarakat umum tentang keterlibatan kumpulan-kumpulan yang lazimnya terdiri daripada golongan imigran Cina yang menetap di Tanah Melayu khususnya di negeri-negeri seperti Kedah, Pulau Pinang, Perak dan kawasan-kawasan yang pesat dengan aktiviti perlombongan dan perdagangan. Di Kedah, kawasan yang menjadi tumpuan kongsi ialah di Kulim ekoran daerah tersebut kaya dengan perlombongan bijih timah (Khadri bin Mohd Salleh, 1988/1989). Kemasukan kongsi gelap di Kulim seperti Gee Hin yang dianggotai oleh puak Teochew dan Hoichew sememangnya menimbulkan masalah besar. Antara masalah yang sering timbul ialah masalah candu, pelacuran, rompakan, penyelewengan bijih timah dan pembunuhan (Surat Sultan Abdul Hamid kepada konsul Siam di Pulau Pinang, 29 Muharam 1305). Pergaduhan kongsi gelap berlaku pada 2 Jun 1888 antara puak Teochew dan Hoichew. Kedua-dua puak ini sering berbalah dan bersaing untuk merebut kawasan perlombongan bijih timah dan pertanian di Kulim demi kepentingan ekonomi mereka meskipun mereka dalam kumpulan kongsi gelap yang sama iaitu Ghee Hin (Blythe, 1969). Buktinya ialah:

“Tunku Mohamad Saad, the Territorial Chief of Kulim was always writing to Alor Setar on matters arising out of differences between the Chinese mines and farmers, quarrels between mines over water rights.” (Sharom Ahmat, 1984).

Namun begitu, perbezaan pendapat dan konflik yang terjadi dalam kalangan mereka khususnya dalam aspek ekonomi mencetuskan perselisihan faham yang akhirnya membawa kepada pertumpahan darah dan ramai dalam kalangan puak Teochew mengalami kecederaan

parah (Surat Sultan Abdul Hamid kepada Konsul Siam di Pulau Pinang, 15 Shawal 1305). Manakala puak Hoichew hanya mengalami kecederaan ringan sahaja. Api kemarahan semakin berlarutan sehingga rumah-rumah puak Teochew dibakar oleh puak Hoichew disebabkan tidak puas hati dan masih berdendam untuk mendapatkan kawasan perlombongan bijih timah (Khadri Mohd Salleh, 1988/89).

Seperti yang dijelaskan di atas, kemunculan kongsi gelap di Kulim membawa kepada masalah candu bukan sahaja dalam kalangan orang Cina, bahkan mereka turut mempengaruhi orang Melayu yang bekerja di lombong untuk menghisap candu (Amer Fawwaz & Noraini, 2021). Kumpulan kongsi gelap yang terdiri daripada orang Cina atau saudagar Cina telah menyelewengkan candu yang dipajakan di samping terdapat individu luar dari daerah Kulim menjual candu secara haram (Khadri Mohd Salleh, 1988/89). Oleh itu, Kedah telah mengalami kerugian yang besar akibat daripada penjualan dan penyeludupan candu secara haram yang sepatutnya dikenakan cukai ke atas setiap individu yang memiliki candu (Wong, 1964). Dalam masa yang sama, penggunaan candu semakin berleluasa dalam kalangan orang Melayu serta ahli-ahli kumpulan kongsi gelap terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor perlombongan bijih timah. Setelah seharian menjalankan kerja-kerja fizikal yang berat, candu dijadikan medium untuk beristirahat dan melepaskan lelah yang akhirnya mencetuskan budaya ketagihan dalam kalangan golongan buruh dan penjenayah. (Surat Sultan Abdul Hamid kepada konsul Siam di Pulau Pinang, 29 Muharam 1305).

Alasan utama mereka mengambil candu adalah bagi mengurangkan tekanan semasa bekerja melombong bijih timah memandangkan Kulim merupakan kawasan perlombongan yang sedang berkembang pesat serta menjadi salah satu daerah permintaan timah yang tinggi. Permintaan candu semakin meningkat sehingga orang Melayu dan Cina mulai menjadi penagih. Akibatnya, apabila candu semakin berkurangan mereka bergaduh sesama sendiri. Kesan daripada ketagihan candu ini juga menyebabkan kesihatan mereka semakin merosot terutamanya melibatkan kesihatan mental yang akhirnya terdapat dalam kalangan mereka tidak siuman dan sering mencetuskan pergaduhan sesama sendiri (Amer Fawwaz & Noraini, 2021).

Ketagihan melampau terhadap candu telah mendorong para pelombong, khususnya dalam kalangan masyarakat Cina, untuk menyalahgunakan pendapatan yang diperoleh daripada kegiatan perlombongan bijih timah. Hasil titik peluh yang sepatutnya digunakan untuk keperluan asas kehidupan telah disalurkan kepada pembelian candu secara berterusan, sekali gus menjadikan candu sebagai keutamaan dalam perbelanjaan harian mereka. Dalam keadaan ketagihan yang semakin parah dan ketidakmampuan memperoleh candu melalui saluran sah, terdapat dalam kalangan pelombong yang sanggup melakukan jenayah seperti merompak dan memecah masuk rumah penduduk demi mendapatkan wang untuk membeli candu daripada pasaran gelap. Akibatnya, Sultan Abdul Hamid telah menerima banyak aduan yang kurang menyenangkan daripada Tunku Mohamad Saad selaku pentadbir di Kulim tentang penyelewengan dan penjualan bijih timah secara haram oleh kumpulan kongsi gelap (Surat Sultan Abdul Hamid kepada konsul Siam di Pulau Pinang, 29 Muharam 1305). Bukan itu sahaja, bahkan kemasukan kongsi gelap yang berhijrah ke Kulim, Kedah semata-mata ingin mengeskplotasi kawasan perlombongan bijih timah telah berlakunya peningkatan kes samun dan rompak.

Kawalan Undang-Undang Yang Lemah

Selain itu, Negeri Kedah merupakan negeri yang pernah berada di bawah naungan Siam dalam tempoh 20 tahun iaitu antara tahun 1821 hingga 1842. Hubungan Kedah dengan Siam semakin erat dan bagi menzahirkan kesyukuran atas nikmat tersebut, maka kerajaan Kedah menghantar ufti iaitu bunga emas kepada Siam sebagai tanda terima kasih kerana mentadbir

Kedah dengan baik (Cheah Boon Kheng, 1981). Dalam konteks ini, kewujudan dua sempadan negeri yang berbeza ini membolehkan masyarakat Kedah dan Siam merasai dua gaya hidup yang berbeza dan unik. Walau bagaimanapun, kebebasan yang diberikan oleh masyarakat ini menyebabkan kerajaan Kedah dan Siam mengenakan sekatan dan cukai kepada masyarakat yang melakukan proses jual beli (Cheah Boon Kheng, 1981). Pada masa yang sama, sempadan negeri antara Siam dengan Kedah pada ketika itu tidak mempunyai sistem kawalan yang ketat. Pihak berkuasa juga tidak menjalankan pemeriksaan individu yang keluar masuk terlebih dahulu semasa di pintu sempadan tersebut (Annual Report For Kedah, A.H. 1327). Hal ini secara tidak langsung telah membuka ruang kepada orang ramai dan penjenayah-penjenayah untuk keluar masuk Kedah sesuka hati dan seterusnya bermulalah bibit-bibit kegiatan jenayah di negeri ini memandangkan ekonomi Kedah pada ketika itu sedang berkembang pesat. Kekurangan jumlah anggota polis turut dikenal pasti sebagai antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah di Kedah. Ketidakmampuan pasukan keselamatan yang terhad dari segi bilangan untuk menjalankan tugas pengawasan secara menyeluruh khususnya di kawasan sempadan Kedah - Siam serta lokasi-lokasi yang sering menjadi tumpuan kegiatan jenayah telah membuka ruang kepada berlakunya pelbagai jenayah sosial seperti rompakan, kecurian dan gangguan ketenteraman awam (Kuroda, 2008).

Lebih membimbangkan, keadaan ini diperburuk lagi dengan penglibatan secara langsung pembesar-pembesar daerah seperti *nai-ban* atau penghulu yang sepatutnya bertanggungjawab memastikan keselamatan komuniti. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa sebahagian daripada mereka telah bersekongkol dengan penjenayah, malah ada yang didapati terlibat secara aktif dalam kegiatan jenayah berat seperti rompakan bersenjata dan pembunuhan (Cheah Boon Kheng, 1981). Penghulu-penghulu daerah ini bukan sahaja gagal menjalankan tanggungjawab mereka, malah digambarkan sebagai individu yang 'buta mata dan pekak telinga' terhadap aduan dan keluhan penduduk kampung yang terkesan dengan jenayah di kawasan mereka. Kegagalan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap laporan-laporan yang diterima bukan sahaja menandakan kelemahan institusi pentadbiran tempatan, bahkan turut memburukkan lagi tahap keselamatan awam dalam kalangan masyarakat Kedah pada ketika itu.

Oleh hal yang demikian, penduduk kampung terpaksa mencari jalan penyelesaian sendiri dengan membuat aduan kepada sultan dengan harapan baginda akan menyelesaikan masalah yang sering kali terjadi di tempat mereka. Begitu juga tindakan akan diambil terhadap penghulu-penghulu kampung atau *nai-ban* yang tidak bertanggungjawab dan gagal menjaga keselamatan penduduk, malah bersekongkol dengan kegiatan tidak bermoral itu. Buktinya, penyata-penyata rasmi kerajaan telah melaporkan bahawa *nai-ban* di Singgora dan penghulu-penghulu Melayu di daerah sempadan Kedah dan Perlis banyak terlibat dengan kegiatan jenayah seperti merompak (Kedah Annual Report For 1333 A.H, 19 November – 8 November 1915). Perkara ini sangat memalukan kerana sebagai seorang ketua yang diberi tanggungjawab dan amanah, mereka perlulah mengawasi keadaan persekitaran agar keselamatan dan keamanan penduduk terjamin. Bahkan, sepatutnya menjadi mata dan telinga penduduk setempat sekiranya didapati terdapat cubaan mencero boh kediaman mereka, malangnya ada di antara mereka bersekongkol dengan aktiviti jenayah tersebut (Kedah Annual Report For 1333 A.H, 19 November – 8 November 1915). Keadaan ini telah menggambarkan sesetengah sikap pemimpin tempatan yang tidak berintergriti dalam melaksanakan kewajipan yang sepatutnya menjadi pelindung kepada masyarakat, sebaliknya menjadi duri dalam daging.

Bukan itu sahaja, menurut sumber Arkib Negara, majoriti orang *Sam-Sam* menetap di Utara Kedah seperti Kubang Pasu dan Padang Terap sekitar tahun 1900 hingga 1920 (Kedah Annual Report For 1333 A.H, 19 November – 8 November 1915). Mereka dikatakan

masyarakat yang paling miskin dan berasal dari Nakora Sit'ammarat dan Songkhla ekoran berlakunya krisis ekonomi pada tahun 1831. Kampung Tolak, Kuala Nerang merupakan kawasan yang didiami oleh kebanyakan masyarakat *Sam-Sam*. Kawasan ini menjadi kawasan tumpuan penjenayah dan salah seorangnya ialah Salleh Tui (Cheah Boon Kheng, 1988). Beliau merupakan perompak yang berjaya dan sangat licik namun dikenali oleh orang kampung sebagai penjahat yang baik kerana setelah berjaya merompak, beliau akan membahagikan hasil-hasil rompakan itu kepada orang miskin (Cheah Boon Kheng, 1988). Justeru, sekiranya ada serbuan daripada anggota polis untuk menangkapnya, orang kampung akan menyelamatkannya daripada serbuan polis. Senario ini membuktikan bahawa kemiskinan masyarakat *Sam-Sam* dan undang-undang polis yang lemah menyumbang kepada punca jenayah dan gejala sosial di Kedah.

Undang-Undang Jenayah

Umum mengetahui bahawa Kedah merupakan negeri Melayu yang mengamalkan konsep perundangan dan adat berpaksikan kepada sistem keislaman. Dalam hal ini, undang-undang digubal adalah untuk mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat. Bertitik tolak daripada itu, sesiapa yang telah melakukan kesalahan, maka individu itu akan dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya. Kes jenayah di Kedah semakin serius dan senario ini menimbulkan kebimbangan kerajaan Kedah khususnya Sultan Abdul Hamid. Jenayah yang paling kerap dilakukan dan sukar dibendung ialah jenayah mencuri sebagaimana telah dihuraikan di atas. Seterusnya, diikuti pula dengan kegiatan jenayah menyamun, membunuh dan perbuatan menipu. Selain itu, turut dilaporkan di dalam Surat Undang-Undang Kedah, terdapat kegiatan jenayah lain yang mendatangkan kerisauan masyarakat seperti memecah masuk rumah orang, berzina, bergaduh dan samseng (Salinan Surat Kepada Raja-Raja No. 2 T.H 1313, T.M 1895). Cumanya jenayah ini tidaklah begitu serius dan parah berbanding dengan kes mencuri, merompak dan menyamun sehingga meninggalkan luka yang mendalam pada mangsa keadaan. Disebabkan kegiatan jenayah semakin parah, maka kerajaan Kedah bertindak segera bagi membendung kegiatan ini daripada terus menular supaya pentadbiran politik dan sosioekonomi lebih terjamin dan sejahtera.


Undang-Undang Terhadap Jenayah Kecurian

Berdasarkan SMSAH dalam bab 17 yang menyentuh fasal mencuri mengatakan bahawa 'barangsiapa yang mengambil harta benda yang boleh dipindah milik dengan niat mahu mengambil dan mencuri harta benda individu itu tanpa kerelaan tuan badannya, maka di dalam undang-undang yang tercatat ini dikatakan individu itu telah mencuri.' Kerelaan yang dimaksudkan di dalam perkara 378 ini ialah seseorang pemilik harta benda itu merelakan perbuatan pengambilan harta bendanya sama ada melalui percakapan, surat atau apa-apa sahaja isyarat yang dibenarkan oleh tuan badan (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II). Memandangkan Sultan Abdul Hamid mendapat aduan yang banyak mengenai kegiatan mencuri kerbau dan lembu milik pengembala yang berdaftar, maka tidak hairanlah undang-undang ini digubal di bawah perkara 379 (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II). Dalam undang-undang yang tercatat dalam perkara 379 menyentuh mengenai hukuman yang akan dikenakan oleh pencuri iaitu sesiapa yang ditangkap mencuri dan mempunyai bukti-bukti yang kukuh, maka individu itu akan dipenjarakan. Hukuman penjara yang ditetapkan ialah tiga tahun atau dikenakan denda bayaran atau kedua-duanya sekali jika disabitkan dengan kesalahan. Hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan kesalahan jenayah mencuri

yang dilakukan oleh seseorang itu (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II).

Namun begitu, setelah pesalah dibebaskan dari penjara atau selesai sahaja menjalani hukuman dan didapati individu yang sama masih bergiat aktif melakukan kegiatan jenayah mencuri, maka hukuman yang lebih berat akan dikenakan iaitu akan dikenakan hukuman rotan. Namun begitu, dalam perkara ini tidak dinyatakan pula pada bahagian dan anggota badan yang akan dikenakan untuk merotan. Dalam perkara 382 pula, terdapat peruntukan khusus menyentuh tentang kesalahan mencuri dengan membawa senjata supaya dapat menakut-nakutkan mangsa dan si pelaku dapat melepaskan diri daripada diserang. Jika disabitkan kesalahan, maka si pelaku akan dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih daripada sepuluh tahun selain dikenakan hukuman sebat pada anggota badan yang ditetapkan dalam fasal ini (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II).

Gambar 3: Fasal Kesalahan Menerima Harta atau Barang-Barang Curi



Sumber: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat (Jilid II)

Di kawasan Utara Kedah terutamanya kawasan Kuala Berau, Mukim Bukit Kayu Hitam merupakan kawasan yang menjadi tumpuan penyamun (Malaya Tribune, 1939). Justeru, perkara 391 menyebut tentang kegiatan jenayah menyamun iaitu sekiranya didapati lima orang atau lebih kumpulan penyamun mempunyai niat menyamun tidak kira sama ada rumah, kedai runcit atau gudang-gudang penyimpanan beras maka golongan ini dikategorikan sebagai perompak. Meskipun individu yang terlibat tidak melakukan kegiatan merompak bersama-sama perompak yang lain, tetapi individu tersebut dikira bersubahat dengan cara menolong menjaga kawasan yang menjadi sasaran dan boleh dikenakan hukuman yang sama seperti perompak. Oleh hal yang demikian, hukuman bagi perompak dan penyamun sebagaimana telah termaktub dalam perkara 402 ialah hukuman penjara tidak

melebihi tujuh tahun dan bayaran denda atau kedua-duanya sekali. Bagi hukuman perompak atau penyamun perseorangan juga telah disentuh dalam perkara 395 iaitu dipenjarakan tidak lebih dari sepuluh tahun dan juga boleh dikenakan bayaran denda. Memandangkan kebanyakan perompak akan membawa bersama senjata ketika melakukan kegiatan tersebut, maka turut dinyatakan dalam perkara 397 bagi pelakunya iaitu merampas atau menyamun dengan menggunakan senjata atau mempunyai cubaan membunuh atau mencederakan mangsa (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II). Hukuman di bawah kategori ini ialah akan dikenakan hukuman berat iaitu dipenjarakan selama tujuh tahun dan mungkin akan dikerjakan dengan hukuman-hukuman lain sewaktu di penjara dalam tempoh berkenaan.

Walau bagaimanapun, hukuman-hukuman yang dinyatakan di dalam fasal kesalahan mencuri harta benda di dalam Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid bab 17 tidak memperincikan bentuk hukuman yang dikenakan oleh pesalah misalnya denda yang dikenakan. Sebagai contoh, kategori denda tentang jumlah bayaran yang dikenakan terhadap pesalah, bilangan rotan yang dikenakan dan bahagian atau anggota badan yang akan dirotan. Pengkaji tidak dapat mengenal pasti hukuman tersebut secara jelas. Kemungkinan tidak dinyatakan dalam undang-undang tersebut namun pihak berkuasa mempunyai garis panduan yang tersendiri mengikut mandatori yang dilakukan asalkan tidak bercanggah dengan sistem perundangan Islam atau bersifat penderaan. Sebagai analoginya, bahagian muka dan bahagian kepala tidak boleh disebat atau dirotan kerana ia merupakan anggota badan yang sensitif.

Undang-Undang Terhadap Jenayah Membunuh

Jenayah membunuh akibat daripada rompakan turut dilaporkan oleh kerajaan Kedah yang menjadi isu besar serta kebimbangan masyarakat. Oleh hal yang demikian, hukuman terhadap jenayah membunuh turut disentuh dalam fasal kesalahan berkenaan dengan tubuh badan manusia dan berkenaan dengan nyawa dalam bab ke-16. Dalam perkara 299 iaitu menjelaskan bahawa ‘barangsiapa dengan sengajanya membuat atau melakukan sesuatu perkara dengan sebab perbuatannya itu menyebabkan kematian seseorang atau kecederaan kepada tubuh badan seseorang itu barangkali boleh mematikan seseorang atau diketahuinya perbuatan-perbuatannya boleh menjadikan kematian kepada seseorang maka perbuatannya yang demikian itu dinamakannya sebagai kesalahan membunuh orang dengan menyerupai sengaja atau syabatul’amad.’ Justeru, hukuman bagi orang yang membunuh dengan sengaja ialah seseorang itu perlu dihukumkan dengan hukuman balas (bunuh balas atau khasad) atau dipenjarakan sampai mati sebagaimana tercatat dalam perkara 302 (Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II).

Berdasarkan kes merompak dan membunuh dua orang individu dalam satu masa yang melibatkan orang Melayu dengan orang Cina di Kampung Pong Gelam, didapati bahawa empat orang perompak tersebut memang mempunyai niat dan sengaja membunuh sepasang suami isteri tersebut (Pinang Gazette and Strait Chronicle, 1938). Buktinya, sekumpulan perompak itu telah membawa parang semasa menerjah kedai pemilik Cina dan menetak belakang leher mereka. Bertitik tolak daripada itu, jelas menunjukkan bahawa mereka boleh dihukum sampai mati atau ahli keluarga mangsa boleh menuntut hukuman bunuh balas sebagaimana yang dilakukan terhadap mangsa. Tambahan pula, pelaku yang membunuh dan merompak tersebut terdiri daripada bangsa Melayu dan orang Islam yang mempunyai akal yang waras.

Memperbanyakkan Bilangan Polis dan Menkuatkuasakan Undang-Undang Polis

Selain pengenalan undang-undang Islam yang termaktub dalam SMSAH, kerajaan turut

memperbanyakkan bilangan polis dan menguatkuasakan undang-undang polis (Hassan Yusoff, 1994). Memandangkan kes jenayah semakin menjadi-jadi semasa penghujung abad ke-19 dan kekurangan kakitangan polis, maka kerajaan Kedah mengambil inisiatif melantik B. E Mitchel sebagai ketua kumpulan polis di Kulim. Kerajaan juga turut melantik Wan Mohd Hasan sebagai Pesuruhjaya Polis di Alor Setar (Utara Kedah) bagi mengawal kegiatan jenayah di kawasan tersebut (Hassan Yusoff, 1994). Jika pada tahun 1909 dahulu, Kedah mengalami kekurangan tenaga polis, namun kerajaan mengambil langkah yang drastik iaitu pada tahun 1935, mereka telahpun memodenkan sistem kawalan dan memperbanyakkan pasukan polis (Mohd Reduan Aslie & Mohd Redzuan Ibrahim, 1984). Buktinya, di setiap kawasan di negeri Kedah, kerajaan telah membina balai polis serta meletakkan pasukan polis mengikut keluasan kawasan dan jumlah penduduk di sesuatu kawasan. Misalnya, terdapat 15 buah balai polis yang dibina di kawasan pedalaman kampung dan setiap balai polis mempunyai seorang sarjan dan empat atau lima orang konstabel (Hassan Yusoff, 1994). Bukan itu sahaja, malah institusi Diraja Polis Kedah juga turut melengkapkan senjata-senjata moden seperti *carbine* dan asas-asas penggunaan senjata apabila berhadapan dengan penjahat (Hassan Yusoff, 1994). Sehubungan dengan itu, antara penambahbaikan kerajaan ialah menubuhkan balai polis bagi menjamin keharmonian dan keselamatan masyarakat Kedah.

Jadual 5: Bilangan Balai Polis di Kedah (1934)

Daerah Kedah	Bilangan Polis Daerah	Inspektor
Alor Setar	5	10
Sungai Petani	6	4
Kulim	2	3
Jumlah	13	17

Sumber: Laporan Residen, dalam Laporan Tahunan Negeri Kedah, (1935)

Setiap daerah mempunyai seorang Inspektor Melayu dan beberapa daerah yang sering menjadi tumpuan penjenayah pula akan diketuai oleh seorang Penolong Pesuruhjaya Polis British. Peningkatan pasukan polis dapat dilihat apabila kerajaan membuka peluang kepada anak-anak muda Melayu yang berkelulusan Darjah IV untuk memohon perkhidmatan Polis Diraja Kedah (Mohd Reduan Aslie & Mohd Redzuan Ibrahim, 1984). Pada tahun 1935, pasukan polis Kedah menyediakan 5 orang pegawai atasan, 17 orang pegawai kanan, 680 orang anggota pangkat rendah dan 79 orang kerani dan pembantu (Laporan Residen, dalam Laporan Tahunan Negeri Kedah, 1935). Oleh itu, jelaslah bahawa kewujudan pasukan polis yang ramai berjaya membanteras kegiatan jenayah dalam kalangan masyarakat Kedah daripada terus menular.

Kesan Pembanteras Jenayah Terhadap Sosioekonomi di Kedah

Memandangkan kegiatan jenayah semakin meningkat ketika era pemerintahan Sultan Abdul Hamid, maka kerajaan telah mengadakan modus operandi untuk membanteras kegiatan jenayah di Kedah. Sehubungan itu, dengan adanya undang-undang dan penambahan bilangan polis maka keadaan sosioekonomi Kedah semakin pulih dalam beberapa aspek.

Peningkatan Dalam Bidang Pendidikan

Kesan penghapusan jenayah telah mewujudkan sinar baharu kepada masyarakat Kedah terutamanya kepada orang Melayu dalam aspek pendidikan. Dalam Perjanjian 1923 yang termeterai antara Kedah dengan British, Tunku Ibrahim telah menetapkan syarat bahawa orang Melayu mesti dihantar ke luar negara untuk menuntut ilmu dan menimba pengalaman dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Buktinya, dalam Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) yang diadakan pada 14 Ogos 1924 mesyuarat bersepakat untuk menghantar Mustapha Osman untuk melanjutkan pelajaran ke Hong Kong dalam bidang perubatan (SUK 396/1343, 1943). Walau bagaimanapun, setelah selesai belajar, beliau perlulah kembali semula ke tanah air untuk berkhidmat di hospital-hospital yang terdapat di Kedah (SUK 396/1343, 1943). Misalnya, sekiranya terdapat masyarakat yang memerlukan rawatan dari pakar, maka beliaulah yang akan memberi perkhidmatan tersebut. Memandangkan Kedah ketika kemasukan kongsi gelap di Kulim menjadikan candu sebagai sebahagian daripada rutin harian mereka, maka sebagai doktor perubatan, beliaulah yang bertanggungjawab menyebarkan kesedaran tentang bahayanya penggunaan candu kepada kesihatan diri. Dalam hal ini, selain usaha seorang doktor dalam menyebarkan keburukan candu, kawalan pihak berkuasa yang lain seperti polis juga amat diperlukan. Hal ini kerana kesan penggunaan candu akan merosakkan kewarasan akal, merosotkan sistem dalaman badan dan sebagainya yang akhirnya terlibat dalam kancah kegiatan jenayah rompakan semata-mata untuk membeli candu hasil daripada rompakan tersebut.

Di samping itu, kerajaan Kedah juga turut menghantar anak jati Melayu Kedah ke peringkat yang lebih tinggi dan sekolah-sekolah teknikal untuk menjalani latihan yang melibatkan kerja-kerja sukat. Pada tahun 1932, Penguasa Sukat Kedah telah mencadangkan nama-nama anak Melayu Kedah yang dilihat berpotensi untuk melanjutkan pelajaran dalam kursus yang dikhaskan seperti Yunan bin Ahmad, Osman bin Matt, Yusoff bin Hashim dan Abdul Rashid bin Abdul Hamid (SUK 428/51, 1932). Misalnya, Yunan bin Ahmad yang merupakan anak jati Kulim telah dihantar ke *Penang Free School* untuk mendapatkan pendidikan bahasa Inggeris di sana. Kemudian, setelah tamat pengajian, mereka wajib menjalani satu kursus penting oleh seorang pelatih untuk mengetahui tahap kepakaran dan kelayakan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Segala kos pembelajaran mereka telah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri (Noor Ain Mat Noor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus, 2011).

Motif dan justifikasi kerajaan Kedah berbuat demikian adalah supaya mereka dapat mentadbir Kedah dengan lebih baik pada masa akan datang sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial tanpa mengharapkan bantuan orang asing terutamanya British yang sesuka hati campur tangan dalam urusan pentadbiran Kedah. Kebijaksanaan kerajaan Kedah dan Sultan Abdul Hamid jelas terpancar kerana mereka sedar bahawa pendidikan sangat penting bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan negeri Kedah. Peningkatan dalam aspek pendidikan juga telah berjaya mengurangkan kes jenayah di Kedah ekoran orang Melayu mulai mendapat kesedaran melalui pendidikan di sekolah. Bahkan, pendidikan yang baik juga menjamin masa depan yang cemerlang khususnya dalam bidang pekerjaan. Oleh hal yang demikian, orang Melayu Kedah yang mendapat pendidikan ternyata mampu mengawal kes jenayah yang boleh menjejaskan sosioekonomi Kedah dengan ilmu dan pengalaman yang diperoleh. Malah, masalah kejahatan moral juga dapat dikurangkan melalui pendidikan di sekolah.

Peningkatan Peluang Pekerjaan

Peningkatan peluang pekerjaan juga merupakan salah satu kesan positif hasil daripada pembanterasan kegiatan jenayah di Kedah. Sejajar dengan perkembangan ekonomi ketika

abad ke-20, kebanyakan orang asing tertarik dengan peluang pekerjaan di Kedah. Masyarakat Melayu Kedah yang sebelum ini tidak berpeluang untuk bekerja dan banyak terlibat dengan kancan jenayah, namun setelah langkah drastik dirangka oleh kerajaan banyak peluang pekerjaan diwujudkan misalnya dalam perlombongan bijih timah, pertanian padi dan perladangan getah. Peluang pekerjaan yang banyak di Kedah telah mendorong kemasukan buruh Cina, India, Eropah dan lain-lain (Annual Report On The Social and Economic Progress Of The People Of The State Of Kedah, 1356 A.H).

Sehubungan itu, kemasukan buruh-buruh ini telah membantu meningkatkan pendapatan ekonomi Kedah. Misalnya, padi, beras, getah dan bijih timah banyak dieksport ke Negeri-Negeri Selat (NNS), padi, beras dan lembu pula banyak dieksport ke Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Manakala getah juga banyak dieksport ke Eropah. Hasil eksport ini ternyata menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan ekonomi Kedah. Tambahan pula, jumlah buruh yang ramai menyumbang kepada peningkatan hasil dalam kuantiti yang banyak dan berkualiti (Annual Report On The Social and Economic Progress Of The People Of The State Of Kedah, 1356 A.H). Izharnya, kebangkitan ketiga-tiga produk ini berjaya menembusi pasaran dunia setelah campur tangan British, langkah kerajaan Kedah dan kemasukan orang asing. Oleh itu, jelaslah bahawa pembanterasannya kegiatan jenayah juga mampu membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat dan orang asing.

Peningkatan Harga Bijih Timah dan Getah

Selain itu, pembanterasannya kegiatan jenayah telah meningkatkan harga bijih timah dan getah. Umum mengetahui bahawa sejak tahun 1888 lagi bermulanya pergaduhan komuniti Cina secara besar-besaran di daerah Kulim sehingga meninggalkan impak mendalam kepada komuniti Cina. Bahkan turut memberi kesan kepada kerajaan Kedah dan kerajaan British di Pulau Pinang. Justeru, kerajaan telah mengambil langkah menangani penularan kegiatan jenayah dan masalah sosial seperti pergaduhan kongsi gelap, masalah candu, perjudian, arak dan seumpamanya. Merujuk kepada sumber Arkib Negara Negeri Kedah, Kedah sememangnya terkenal dengan konsep penanaman padi dan getah sekitar tahun 1936 sehingga tahun 1937. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, sebanyak 246 315 ekar padi telah ditanam di Kedah begitu juga dengan hasil getah yang mempunyai keluasan tanah sebanyak 299,789 ekar (Chandariah Rao et al, 1977). Sektor perlombongan bijih timah juga turut berkembang maju selepas kegiatan jenayah dibendung. Penglibatan orang-orang Cina dari suku Hui Chew yang datang berhijrah dari Perak pada tahun 1865 ekoran berlakunya Perang Kulim di Kedah mendorong kepada perluasan bijih timah (Chandariah Rao et al, 1977). Keadaan ini jelas memperlihatkan orang Cina mengambil peluang keemasan ketika berlakunya Perang Kulim untuk menjalankan aktiviti perlombongan memandangkan Kulim merupakan daerah yang kaya dengan bijih timah sekitar penghujung kurun ke-19. Jadual 6 di bawah menunjukkan perkembangan bijih pada tahun 1910 hingga 1914.

Jadual 6: Perkembangan Bijih Timah di Kedah

PERKARA	1910	1911	1912	1913	1914
Bijih Timah	11 790	12 738	14 024	14 522	14 450
Kawasan Yang Kaya Dengan Mineral dan Bahan-Bahan Lain	199	277	368	478	427

Nilai (dolar \$)	650 880	784 740	954 330	964 050	724 320
Bilangan Pekerja	1 973	2 662	3 301	3 652	2 768

Sumber: Kedah Annual Report (1913 – 1914)

Di samping itu, peningkatan sektor perlombongan bijih timah juga merupakan hasil kemasukan orang-orang Cina yang memperkenalkan peralatan perlombongan yang canggih daripada teknik mendulang kepada teknik pam kelikir. Hasilnya, Kedah memperoleh pendapatan yang lumayan melalui cukai yang diperoleh hasil perlombongan bijih timah, yuran pemantauan, yuran lesen dan sewa kawasan perlombongan. Buktinya dapat dilihat pada Jadual 7 yang diambil daripada sumber *Kedah Annual Report* pada tahun 1908 hingga 1936.

Jadual 7: Pendapatan Yang Diperoleh Hasil Perlombongan Bijih Timah di Kedah, (1908 – 1936)

Tahun	Hasil Pendapatan (dolar \$)
1908	57 766
1909	64 261
1910	9 650
1911	7 257
1912	5 951
1913	20, 024
1914	16 620
1915	16 131
1916	15 408
1917	72 252
1918	194 724
1919	167 028
1920	132 451
1921	60 790
1922	71 542
1923	84 861
1924	92 716
1925	165 086
1926	81 593
1927	65 696
1928	57 333
1929	59 638
1930	30 422
1931	20 778
1932	21 477
1933	27 073
1934	33 481
1935	48 598
1936	60 161

Sumber: Kedah Annual Report (1908 – 1936)

Berdasarkan Jadual 7 di atas, jelas menunjukkan pola turun naik hasil pendapatan bijih timah dari tahun 1908 hingga 1936. Pada tahun 1909, jumlah pendapatan bijih timah ialah sebanyak \$64 261 kerana berlakunya pertambahan imigran Cina di Kedah yang bekerja dalam sektor perlombongan. Dalam hal ini, langkah kerajaan yang sentiasa cakna terhadap kebimbangan masyarakat mengenai isu jenayah dan masalah sosial di Kedah menjadi magnet tarikan kepada buruh asing ke Kedah. Pada tahun 1910 hingga 1912, pendapatan hasil perlombongan bijih timah telah menurun mendadak iaitu masing-masing sebanyak \$9 650, \$7 257 dan \$5 951. Penurunan ini adalah disebabkan berlakunya kemalangan semasa kerja-kerja melombong dilakukan sehingga menyebabkan kematian. Kawasan yang dipercayai berlaku kemalangan ini ialah di *Karangan Hydraulic Tin Mining Company Limited* akibat tanah runtuh (C.O. 716/1, 1328 A.H). Dalam tempoh berkenaan, pelombong-pelombong telah mengalami trauma dan didapati ada yang berhenti kerja.

Gambar 4: Hasil Perlombongan Bijih Timah

6

27. During the year the Head Office staff occupied one of the new shop-houses built in Kulim for use as Government offices. The Superintendent considers that even more room is required.

MINES.

28. The average price of tin per pikul was \$75. In 1331 it was \$101, and in 1330, \$102, the highest price recorded was \$94 and the lowest \$57. The output was 14,450 pikuls compared with 14,522 pikuls for the previous year, the royalty, however, fell appreciably in consequence of the generally lower prices: \$72,432 was collected, \$24,000 less than in 1331. Only in one district, Kubang Pass, there was increased production coupled with a rise in export duty. Kuala Muda and Baling and Kulim districts are the chief tin-producing areas.

29. Four hundred and twenty-one pikuls of wolfram ore were exported. This metal is only found in three places in Kedah—viz., Semeling, Baling (Siang) and Kubang Pass (Padang Plandok).

I append a table similar to the table in last year's report showing figures of production, value, and labour force for the last five years:

	A.H. 1328 (A.D. 1909)	A.H. 1329 (A.D. 1910)	A.H. 1330 (A.D. 1911)	A.H. 1331 (A.D. 1912)	A.H. 1332 (A.D. 1913)
Tin ore in pikuls ...	11,290	12,738	14,024	14,522	14,450
Wolfram ...	190	277	368	478	421
Value in dollars ...	650,880	784,740	954,330	964,050	724,320
Number of coolies ...	1,973	2,662	3,301	3,652	2,768

30. Six exclusive prospecting licences were issued and 38 general prospecting licences. Eighty-four applications for mining land were entered, and seventy provisional leases issued for an area of 3,539 *relongs*. One hundred and seventy-nine old mining licences were cancelled. Six hundred and eighty-eight remained at the end of the year: as most of them cover undemarcated lands mining prospectors in the State will not feel secure until this form of title has ceased to exist.

31. The revenue and the expenditure of the department were \$16,620 and \$11,078, the latter leaving a saving of \$1,000 on the estimate.

32. Nothing notable in mining development calls for notice. Chinese miners of substance still take up areas in isolated parts of the State in spite of transport difficulties. Mining ventures in Kedah are reported to be, as a rule, short-lived, the *karang* tending to run shallow. There is now a prospect of dredging projects being undertaken, and as this method of working is very economical it may possibly pay to dredge where open-cast mining is too expensive.

33. The effect of the outbreak of war on the tin industry was for the time being complete cessation. There was no market at all. Following the course adopted by the Federated Malay States Government the State Council guaranteed a price of \$60 a pikul for refined tin, and arrangements were made with the Straits Trading Company and Eastern Smelting Company to buy tin for Government at this rate. As the rate never quite fell to \$80 it was never necessary to purchase any tin at all, but, at the time, the Government contemplated a liability of about \$12,000 a month which might last three or four months. At the moment of writing the price is well over \$70 and looks

Sumber: Annual Report Of The Adviser To The Kedah Government For The Year 1332 A.H (1913 – 1914) (about mining)

Kemudian pada tahun 1913 sehingga 1917, perlombongan bijih timah mengalami peningkatan yang sangat ketara berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini iaitu \$20 024 hingga \$72 252. Peningkatan berlaku berikutan pengenalan teknik-teknik melombong yang baik seperti melampun dan *open cast*. Hasil pendapatan bijih timah memperlihatkan peningkatan berkadar langsung pada tahun 1918 hingga 1920. Peningkatan perlombongan ini sedikit sebanyak telah membantu perkembangan penjualan candu dan arak oleh peruncit-peruncit luar. Penjualan candu dan arak ini dipercayai diamalkan oleh pelombong-pelombong Melayu dan Cina akibat kepenatan dan tekanan sewaktu mengerjakan perlombongan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1921 hingga 1936 pendapatan hasil perlombongan bijih timah menunjukkan pola tidak konsisten. Hal ini disebabkan oleh permintaan terhadap bijih timah semakin berkurangan berikutan terdapat pelombong-pelombong yang enggan membayar sewa tanah yang dianggarkan seluas 1014 relong manakala ada juga yang dibatalkan lesennya (Annual Report Of The Adviser To The Kedah Government For The Year 1332 A.H).

Ironinya, jelaslah bahawa pendapatan hasil bijih timah mengalami peningkatan yang mendadak pada tahun-tahun tertentu dan ada juga mengalami penurunan atas faktor-faktor tertentu. Meskipun begitu, kegiatan perlombongan bijih timah telah mendatangkan hasil yang lumayan terhadap perkembangan ekonomi Kedah. Dalam konteks ini, Kedah tidak hanya menumpukan kepada kegiatan penanaman padi semata-mata, bahkan turut menjalankan aktiviti perlombongan dan perladangan getah.

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan kegiatan jenayah yang berlaku di Kedah dan sempadan Siam semasa era pemerintahan Sultan Abdul Hamid dari tahun 1880-an hingga 1939. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati jenayah kecurian dan rompakan adalah yang paling tinggi dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat serta institusi kerajaan. Kekejaman jenayah ini memberi tekanan kepada struktur sosioekonomi Kedah terutama dalam kalangan komuniti masyarakat. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor-faktor seperti keadaan sempadan yang lemah, penglibatan penghulu tempatan dalam jenayah dan penyeludupan orang luar dari Siam menjadi pemangkin kepada peningkatan kadar jenayah. Walaupun pelbagai langkah pembanterasannya diperkenalkan termasuklah penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas dan kerjasama antara kerajaan negeri dan pasukan keselamatan, kejayaan dalam mengekang jenayah hanyalah sebahagiannya sahaja. Bagi mencapai kadar sifar jenayah adalah sangat mustahil berikutan kedudukan geografi Kedah yang berdekatan dengan sempadan Siam.

Dari sudut implikasi, pelaksanaan undang-undang dan pengawalan sempadan jelas memberi kesan positif mengurangkan kes jenayah yang lebih serius serta menstabilkan ekonomi negeri. Walaupun jenayah tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, kebijaksanaan Sultan Abdul Hamid dalam menggerakkan langkah-langkah pencegahan dan pembanterasannya menunjukkan peningkatan yang ketara dalam usaha kerajaan Kedah untuk menangani masalah sosial dan keselamatan pada masa itu. Kesimpulannya, kejayaan usaha pembanterasannya jenayah yang dilaksanakan bukan sekadar mencerminkan kecekapan struktur pentadbiran Negeri Kedah, malah memperlihatkan ketegasan dan keprihatinan pihak pemerintah, khususnya di bawah kepimpinan Sultan Abdul Hamid dalam mengekalkan kestabilan sosial dan menjamin kesinambungan pembangunan ekonomi negeri. Langkah-langkah strategik yang diambil menunjukkan kesungguhan institusi pentadbiran dalam mewujudkan suasana aman dan kondusif yang menjadi asas penting kepada pertumbuhan sosioekonomi Kedah sepanjang era tersebut.

Penghargaan

Saya berterima kasih kepada para penilai yang dilantik oleh *MINDEN Journal of History and Archaeology* untuk komen-komen yang telah membantu meningkatkan kualiti penulisan ini.

Rujukan

- Amer Fawwaz bin Mohamad Yasid & Noraini binti Zulkifli. (2021). Ketagihan Candu Di Tanah Melayu Sehingga Tahun 1957. *Sejarah: Journal of History Department, University of Malaya*, 30:1, 128-142.
- Anis Syuhada Amran & Norasmahani Hussain. (2024). Kegiatan Kongsi Gelap Cina Di Kulim dan Kesannya Terhadap Ekonomi Kedah, 1888-1890. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 8:2, 109-125.
- Annual Report For Kedah, 1327 A.H, 1909 – 1910.
- Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the State of Kedah For The Year 1356 A.H.
- Annual Report of the Adviser to the Kedah Government For the Year 1332 A.H (30 November 1913 – 18 November 1914).
- Badriyah Haji Salleh & Tan Liok Ee. (2006). *Sejarah ekonomi Kedah sehingga kurun ke-19*. Kertas kerja dibentangkan dalam Majlis Polemik Sejarah Malaysia. Anjuran Arkib Negara Malaysia, 9 Mei, Alor Setar, Kedah.
- Barlow, Huge D. & Kauzlarich, D. (2010). *Explaining Crime: A Primer in Criminology Theory*. Maryland: Rowman & Littlefield Publishers.
- Blythe, W. L. (1969). *The Impact of Chinese Secret Societies in Malaya*. London: Oxford University Press.
- C.O. 716/1 The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1337 A.H, 1918 – 1919.
- C.O. 716/1: The Annual Report of the Adviser to The Kedah Government for the Year 1328 A.H, 1910.
- Cheah Boon Kheng. (2001). *The Peasant Robber of Kedah: Historical and Folk Perceptions*. Singapore: Oxford University Press.
- Chandariah Rao, et. al. (1977). *An Issues In Contemporary Malaysia*. Heinemann Educational Books (ASIA) LTD: Kuala Lumpur.
- Cheah Boon Kheng. (1981). *Jenayah-Jenayah di Sempadan Kedah-Siam Di Antara Tahun Tahun 1900-1920-an*. Pulau Pinang: USM.
- Haslindawati Saari, et.al. (2021). Jenayah Dan Gejala Sosial Dalam Masyarakat Melayu Kedah, 1882-1940. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5:2, 47-61.
- Jabil Mapjabil et.al. (2010). Transformasi Pembangunan Ekonomi Di Negeri Kedah: Perspektif Historikal, *Prosiding Perkem V*, Jilid 2 (2010), 171–181.
- Hassan Yusoff. (1994). *Pasukan Polis Di Negeri-Negeri Melayu (1870–1941)*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kedah Annual Report For 1333 A.H, 19 November – 8 November 1915.
- Khadri Mohd Salleh. (1988/89). *Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-Orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Khoo Kay Kim. (1983). *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kuroda, K. (2008). The Siamese in Kedah under nation-state making. *Kyoto Working Papers on Area Studies* No. 30. Kyoto University, Center for Southeast Asian Studies (CSEAS).
- Laporan Residen, dalam Laporan Tahunan Negeri Kedah, tahun 1935.
- Mahani Musa. (2005). *Sejarah & Sosioekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Selangor:

- UKM Bangi.
- Malaya Tribune. (1939). *Armed Robber Arrested in Thailand*. 16 November 1939.
- Muhammad Isa Othman. (1990). *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman. (2001). *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz. (2010). Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29:2, 45-66.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2012). Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid. *Sejarah: Journal of the Department of History*, 20:20, 51-70.
- Mohd Reduan Aslie & Mohd Redzuan Ibrahim. (1984). *Polis Diraja Malaysia: Sejarah, Peranan dan Cabaran*. University of Michigan: Kumpulan Karangraf.
- Noor Ain Mat Noor & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2011). Kedah Pasca Perjanjian 1923: Kedudukan Orang Melayu Dalam Pentadbiran Kerajaan. *Jurnal Sejarah*, 19:19, 154-176.
- Nor Azmawati Abdul Aziz & Mohd Rozaidi Mohd Rosli. (2022). Metodologi Penyelidikan Pemikiran Undang-Undang Jenayah Menerusi Karya Melayu Klasik. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 8:24, 55-60.
- Pinang Gazette and Strait Chronicle. (1938). Double Murder Kedah Malays On Trial, 22 August 1938.
- Salinan Surat Kepada Raja-Raja No. 2 T.H 1313, T.M 1895.
- Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1312 T.M 1895 No. 2.
- Sharom Ahmat. (1984). *Tradition and Change In A Malay States: A Study of Economic and Political Development*, MBRAS, Monograph No. 2.
- Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid Buku No.7 T.H.1315-1317H/1897-1899M.
- Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid, No. 11 T.H 1335H Kanun Al-Akubat, Jilid II.
- Surat Sultan Abdul Hamid kepada konsul Siam di Pulau Pinang bertarikh 29 Muharam 1305 (18 Oktober 1888), Arkib Negara, Cawangan Kedah Perlis, Alor Setar.
- Surat Sultan Abdul Hamid kepada Konsul Siam di Pulau Pinang bertarikh 15 Shawal 1305 (25 Jun 1888), Arkib Negara, Cawangan Kedah Perlis, Alor Setar.
- SUK 396/43, Minutes of Meeting of the State Council Held on 14.8.24, 1943.
- SUK 428/51, Appointment of Field Apprentices, Survey Dept. Recommends: Perkara Hendak Ambil Orang- Orang Perbuat Kerja Menjadi Pelatih Office Sukat, 1932.
- Wong Lin-Ken. (1964). The Revenue Farms of Prince of Wales Island, 1805-1830. *Journal of the South Seas Society*, 19, 20-30.